

# PERBARISAN PERSARAAN LT JEN DATO' SRI WAN NORMAZLAN BIN CHE JAAFAR TUDM

 [airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3109-perbarisan-persaraan-lt-jen-dato-sri-wan-normazlan-bin-che-jaafar-tudm](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3109-perbarisan-persaraan-lt-jen-dato-sri-wan-normazlan-bin-che-jaafar-tudm)





SUBANG, 1 Mac 18 – Satu istiadat perbarisan sempena persaraan YBhg Lt Jen Dato' Sri Wan Normazlan bin Che Jaafar TUDM telah diadakan di Pangkalan Udara Subang. Istiadat perbarisan ini diadakan sebagai satu tanda penghormatan terakhir TUDM

kepada YBhg Lt Jen Dato' Sri Wan Normazlan bin Che Jaafar TUDM yang akan bersara dari perkhidmatan setelah 42 tahun menabur bakti di dalam pekhidmatan ATM khususnya TUDM.

Di dalam istiadat yang penuh gemilang ini, YBhg Lt Jen Dato' Sri Wan Normazlan bin Che Jaafar TUDM telah mengambil tabik hormat dan memeriksa perbarisan yang terdiri daripada 11 pegawai dan 145 anggota lain-lain pangkat.

Turut hadir menyaksikan istiadat perbarisan ini ialah Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM; Panglima Operasi Udara, YBhg Lt Jen Dato' Sri Hj Abdul Mutualib bin Datuk Hj Ab Wahab TUDM serta Pegawai-pegawai Kanan, para pegawai dan anggota-anggota TUDM yang lain.

Di akhir acara, YBhg Lt Jen Dato' Sri Wan Normazlan bin Che Jaafar TUDM bersama isteri, Yang Arif Dato' Rozana bt Ali Yusoff telah dibawa berarak menggunakan pesawat Pilatus MK II PC 7 dengan diiringi Pegawai-pegawai Kanan, pegawai-pegawai dan anggota-anggota TUDM ke helikopter EC725 dan seterusnya meninggalkan Pangkalan Udara Subang.

Persaraan beliau merupakan satu kehilangan besar umpama sebutir permata berharga buat TUDM yang sukar dicari ganti. Selamat Bersara dan Semoga Maju Jaya.